



Ramah Mesra JKPU Sempena Lawatan Penilai Anugerah Keusahawanan KPT

16 Feb 2024, Tanjong Malim - Sesi Ramah Mesra Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) bersama penilai Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (AKKPT) iaitu Dato' Lewre Fong Voon (Pengasas dan Pengerusi Lewre' Bespoke), Datuk Dr. Yusof Haslam (ACP) (Penerbit Skop Production), Nik Sazali Nik Hussin (Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM STS Sdn. Bhd.), Roslawati Mat Lazim (Ketua Unit Finance dan Transformation, PUNB).

AKKPT ini merupakan anugerah berprestij keusahawanan pendidikan tinggi negara yang diadakan pada setiap dua tahun. Sesi penjurian bermula pukul 9.30 pagi di Bangunan Canselor, Bitarasiswa, Fakulti Muzik Seni Persembahan, Dewan Rahman Talib (FSKIK), Food Republic (FTV), Fakulti Pembangunan Manusia, Ladang FTV, RMIC dan UAP dan berakhir pada 4.30 petang di Scholar Suites.

Hadir sama, Profesor Dr. Abdul Rahim Razalli, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Norkhalid Salimin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Mohamad Najib bin Mohamed, Bendahari UPSI, wakil KPT Muhammad Dehya Zainal Azlan dan Mohd Noor Hidayat Yusor serta wakil SME, Roshaidi Rosli.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Kunjungan Hormat Pengurusan UPSI ke Pejabat SPRM Negeri Perak

Ipoh, 8 Feb - Terima kasih YBhg. TPj Ahmad Sabri bin Mohamed, Pegarah SPRM Negeri Perak atas sesi kunjungan dan perbincangan bersama Jawatankuasa Pengurusan UPSI.

Sesi kunjungan dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan kerjasama strategik kedua-dua organisasi dan turut membincangkan langkah kawalan dalaman yang boleh dilaksanakan di UPSI selaras dengan gerakan pemantapan tatakelola, dan membincangkan bentuk-bentuk kerjasama antara UPSI dan SPRM.



Lawatan Penanda Aras ke Universiti Teknologi Petronas

Tanjong Malim, 6 Feb - Seramai 24 delegasi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan lawatan penanda aras ke Career Development Office (CDO) dan UTP Technopreneurship Centre, Universiti Teknologi Petronas, Perak pada 24 Januari lalu.

Rombongan delegasi membawa satu misi penting untuk mempelajari kaedah pengurusan di Career Development Office (CDO) dan UTP Technopreneurship Centre demi menambah baik pengurusan dan perkhidmatan dalam mendukung aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi, yang menggalakkan institut pengajian tinggi awam mempelajari selok belok pentadbiran kebolehpasaran graduan dan pembangunan keusahawan dari lensa institut pengajian tinggi swasta.

Melalui lawatan ini, kedua-dua institusi berharap agar hubungan dua hala yang tercipta pada hari ini dapat dikukuhkan lagi dengan perkongsian masa depan di antara Career Development Office (CDO) dan UTP Technopreneurship Centre dengan EDGE, UPSI agar lebih banyak kolaborasi dalam dilaksanakan bersama dalam usaha menggembelng tenaga untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara kita.



‘All Rounded Glamping’ @NCDRC

Tanjong Malim, 17 Feb - Sekalung tahniah buat NCDRC di atas penganjuran ‘All Rounded Glamping’ buat anak-anak Muallim, hasil kolaborasi bersama FSSK, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang melibatkan 52 orang kanak-kanak seawal umur 5 hingga 11 tahun. Prof Dato’ Md Amin Md Taff, Naib Canselor UPSI sempat meluangkan masa ke program tersebut. Beliau yang tiba pada jam 12 tengah malam hanya sempat bergambar bersama urus setia kerana peserta cilik sudah melelapkan mata dek keletihan. UPSI menekankan kecemerlangan akademik bermula dengan jati diri dan ‘resilience’ agar cemerlang dalam menempuh liku kehidupan yang penuh dengan ranjau dan cabaran.



MPP UPSI Fokus Pengantarabangsaan, Kemampuan Kebajikan dan Pembangunan Mahasiswa

Tanjong Malim, 13 Feb - Majlis Perwakilan Pelajar UPSI (MPP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sidang 2023/2024 yang baru dilantik baru-baru ini akan menunaikan tanggungjawab dan amanah seperti yang diharapkan oleh semua mahasiswa. Justeru, sempena Majlis Watikah Pelantikan, Yang Dipertua MPP UPSI sidang 2023/2024, Amirul Haiqal Amirrudin Baki berkata tiga fokus utama MPP UPSI sidang 2023/2024 adalah Pengantarabangsaan, Kemampuan Kebajikan dan Pembangunan Mahasiswa.